



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KPKM DENGAR PANDANGAN RANTAIAN SEKTOR PADI DAN BERAS - TUBUH JAWATANKUASA PERUNDINGAN INDUSTRI PADI DAN BERAS NEGARA (JKPIB)

KUALA LUMPUR, 15 JULAI 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited untuk mendengar dan mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan dalam usaha merangka hala tuju dan dasar baharu industri padi dan beras negara yang lebih mampan, adil dan berdaya tahan.

Sehubungan itu, KPKM telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Industri Padi dan Beras Negara (JKPIPB) Bilangan 1 Tahun 2026 pada 14 Julai 2026 yang julung-julung kali diadakan dan dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Mesyuarat ini menghimpunkan 41 pihak berkepentingan yang mewakili pelbagai rantai industri termasuk pesawah, pengilang, pemborong, pengeluar benih padi, pengurusan tertinggi KPKM serta agensi berkaitan.

Pendekatan ini selaras dengan prinsip Kementerian bahawa sebarang dasar baharu yang melibatkan industri padi dan beras negara perlu dirangka berasaskan realiti sebenar di lapangan, dengan mengambil kira pandangan mereka yang terlibat secara langsung dalam keseluruhan rantai industri.

KPKM menyedari bahawa industri padi dan beras negara berhadapan dengan pelbagai cabaran yang semakin kompleks. Justeru, penyelesaian yang dirangka tidak boleh dibuat secara bersendirian atau berasaskan pendekatan *one-size-fits-all*, sebaliknya perlu melalui proses libat urus yang terbuka, menyeluruh dan berterusan.

Antara perkara utama yang dibincangkan dalam mesyuarat ini ialah impak peningkatan kos operasi terhadap industri; pengurusan dan kawalan Benih Padi Sah (BPS); pengukuhan infrastruktur, mekanisasi dan sistem pengairan; pengilangan, penggredan dan pelabelan beras; serta cadangan intervensi Kerajaan.

Semua pandangan dan cadangan yang dibangkitkan akan diteliti secara menyeluruh dan diperincikan oleh Jawatankuasa Teknikal Khas sebelum cadangan yang bersesuaian dipertimbangkan untuk diangkat ke peringkat dasar.

KPKM akan meneruskan pelbagai sesi libat urus dengan pihak berkepentingan bagi memastikan setiap pembaharuan yang dirangka mengambil kira kepentingan keseluruhan ekosistem industri, daripada pesawah dan pengeluar benih, kepada pengilang, pemborong, peruncit serta pengguna.

Kementerian percaya bahawa dasar yang baik perlu dibina melalui proses mendengar, menilai dan mencari titik keseimbangan antara kepentingan semua pihak. Matlamat akhirnya adalah untuk membangunkan industri padi dan beras negara yang lebih cekap, telus, mampan dan berdaya tahan, di samping memastikan bekalan beras negara terus mencukupi dan terjamin.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

